

08 MAY 2004

Nazri-Sipadan

NAZRI CADANG LARANGAN BERMALAM DI SIPADAN DITARIK BALIK

SEMPORNA, 8 Mei (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk

Seri Nazri Abdul Aziz hari ini berkata beliau akan mengemukakan cadangan

kepada jemaah menteri supaya larangan bermalam di Pulau Sipadan, sebuah

pulau pelancongan terkemuka di sini, ditarik balik.

Beliau berkata langkah itu berikutan tahap keselamatan yang kini meyakinkan di pulau yang menjadi tumpuan penyelam skuba dari seluruh dunia

itu.

Nazri yang melawat pulau itu hari ini berkata rata-ratanya pelancong di

pulau itu menyatakan keyakinan mereka terhadap kawalan keselamatan di

kawasan berkenaan.

"Adalah tidak praktikal dan membebankan jika pengusaha pelancongan

terpaksa membawa keluar pelancong dari pulau itu setiap kali menjelang

senja untuk bermalam di tempat lain," katanya kepada pemberita di sini.

Kerajaan telah mengenakan larangan bermalam di pulau itu selepas kejadian penculikan sembilan rakyat Malaysia dan 12 rakyat asing di pulau

itu pada April 2000.

Dalam pada itu, Nazri berkata beliau akan membawa cadangan awal kepada

kabinet mengenai penubuhan sebuah lembaga bagi menyelia pembangunan pulau-pulau di negara ini.

Katanya, cadangan penubuhan Lembaga Pembangunan Pulau-Pulau pernah

ditimbulkan dalam mesyuarat kabinet yang dipengerusikan Perdana Menteri

ketika itu Tun Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, penubuhan lembaga itu perlu disegerakan bagi membolehkan

pulau-pulau di negara ini dimajukan dengan sewajarnya untuk kepentingan

pelancong dan penduduknya.

Sementara itu, Nazri yang juga menteri yang bertanggungjawab dalam

pengurusan bencana turut mengadakan pertemuan dengan jawatankuasa bencana

alam peringkat Tawau.

Dalam ucapannya pada majlis itu, Nazri meminta semua pengerusi

jawatankuasa berkenaan supaya memaklumkan kepada Bahagian Keselamatan

Negara jika berlaku sebarang musibah di kawasan masing-masing bagi membolehkan penyaluran bantuan dilakukan.

Beliau turut meminta jawatankuasa berkenaan bertindak mengkaji potensi

berlakunya bencana bagi sesuatu kawasan yang bakal dimajukan.

Kajian terperinci daripada aspek keselamatan perlu dilakukan sebelum

sesuatu pembangunan itu diluluskan, kata beliau.

"Tiada gunanya ada pembangunan yang akhirnya mengundang masalah dan

membahayakan masyarakat," katanya.

Sebagai contoh, katanya, sesuatu projek perumahan yang bakal dimajukan

di kawasan yang dikenal pasti menghadapi ancaman banjir, tidak harus diberi

kelulusan.

-- BERNAMA

IL JS MOZ